

# **PERJUANGAN POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) MENCAPAI DAN MENGEKALKAN KEMERDEKAAN MALAYSIA**

## **SEJARAH KEPOLISIAN NEGARA**

Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka jawatan seperti Bendahara dan Temenggung telah diwujudkan yang bertindak sebagai pelaksana dan penguatkuasa undang-undang yang menjurus kepada undang-undang adat atau undang-undang syariah.




Rajah Istana Sultan Mansur Shah pada tahun 1400 Masihi



Peta Kesultanan Melaka di kawasan kegemilangannya  
about 1500 Masehi

Melaka ditawan Portugis. Alfonso De Albuquerque memerintah Melaka dengan menggunakan Sistem Kapitan. Di bawah sistem ini beberapa kelompok kaum diletakkan di bawah pengawasan seorang Penghulu yang juga bertindak sebagai penegak undang-undang.



# PENUBUHAN INSTITUSI KEPOLISIAN MODEN

1807

Imbasan awal sejarah kepolisian negara yang telah mencapai usia lebih 200 tahun adalah bermula dengan berkuatkuasanya Piagam Keadilan (Charter of Justice di Pulau Pinang yang menjadi titik permulaan kepada lahirnya pasukan polis di negara ini. Ketua Pasukan Polis yang pertama ialah Encik James Carnegie yang dilantik sebagai sheriff bagi Prince of Wales Island (Pulau Pinang). Pasukan yang dianggotai sepenuhnya oleh anak tempatan ini telah menjadi perintis kepada pasukan polis di negeri-negeri lain.



1827

Negeri Melaka telah menubuhkan pasukan polisnya. Kedua-dua pasukan ini kemudian bergabung membentuk pasukan Polis Negeri - Negeri Selat.



1882

Penubuhan Pasukan Polis Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pula seperti negeri Johor, di negeri Kedah dan Kelantan pada tahun 1909 dan di Negeri Terengganu pada tahun 1914. Di negeri Borneo Utara pula, pada tahun 1862 pasukan Polis Sarawak ditubuhkan diikuti dengan Sabah pada tahun 1882.

1896

Pasukan Polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu pula telah ditubuhkan serentak dengan pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Kapten H.C Syers, Pengusaha Polis Negeri Selangor telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang pertama.

# POLIS PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

1946

Setelah Tanah Melayu bebas daripada pendudukan Jepun, pentadbir British yang mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu telah menggabungkan pasukan Polis Negeri-negeri Selat, pasukan Polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan pasukan Polis Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu di bawah pasukan Polis Malayan Union berpusat di Kuala Lumpur.

1948

Apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan, nama pasukan Polis Malayan Union ditukar kepada Polis Persekutuan Tanah Melayu yang diletakkan di bawah perintah seorang Pesuruhjaya Polis.



Bendera baru Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu



# DARURAT

## PERJUANGAN GETIR PASUKAN POLIS

Pengisytiharan ‘Darurat’ di Persekutuan Tanah Melayu pada 16 Jun 1948 merupakan detik penuh getir bagi pasukan polis yang telah diberi mandat utama dalam mempertahankan kedaulatan dan keamanan dalam negara daripada diganggu gugat oleh pengganas komunis. Negara pada ketika itu, baru sahaja mengorak langkah memulihkan keadaan setelah mengalami pendudukan Jepun hampir tiga tahun yang telah melumpuhkan pasukan-pasukan Polis Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat.


Sepanjang tempoh Darurat daripada tahun 1948-1960, pasukan polis bersama pasukan keselamatan lain memainkan teraju utama dalam merancang strategi dan bertindak membanteras keganasan komunis.



Anggota polis sedang memerlukan pasukan kawalan dan sekuhan polis.



Pasukan Flying Squad dalam aktiviti garnisun namun jauh dari bandar.



Pasukan kawalan kawasan atau anggota polis juga turut dilibatkan.

### Penambahan anggota Polis

Kekuatan 11,288 anggota yang terdiri daripada pelbagai pangkat telah bertambah secara mendadak ketika kemuncak Darurat dalam tahun 1952 iaitu sebanyak 7 kali ganda menjadi 75,281 orang anggota yang terdiri daripada 31,164 polis biasa dan 44,117 Konstabel Khas. Di samping itu, pasukan polis juga telah memperolehi bantuan seramai 88,000 orang anggota Polis Bantuan (Auxiliary Police). Beberapa unit telah ditubuhkan seperti Flying Squad pada tahun 1948, Jungle Squad dan seterusnya disusun semula menjadi Jungle Company pada tahun 1951. Pada tahun 1953, Jungle Company telah dilakukan penyusunan semula menjadi Pasukan Polis Hutan.



REKABENTUHAN  
DAN KERUDUJAHAN MALAYSIA




PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA

## Kejayaan

Dalam jangka masa 12 tahun, seramai 10,698 pengganas komunis telah dibunuhi, ditangkap dan menyerah diri di seluruh negara. Daripada itu, sejumlah 5,792 orang yang telah dihapuskan adalah hasil usaha gigih pasukan polis. Manakala di kalangan anggota pasukan polis sendiri turut mengalami kecederaan yang tinggi. Daripada sejumlah 4,425 kecederaan dan kematian yang dialami oleh anggota polis pasukan keselamatan ketika Darurat seramai 1,346 orang anggota adalah daripada pasukan polis yang telah terbunuhi manakala 1,601 orang lagi mengalami kecederaan.

## Komando PPH 69

Kebangkitan semula Parti Komunis Malaya (PKM) pada tahun 1968 telah membawa kepada penubuhan pasukan ‘Elit’ Polis Hutan yang dinamakan Komando PPH 69 pada 25 Oktober 1969. Kemahiran dan kepakaran mereka dalam selok-belok peperangan di hutan telah berjaya menghapuskan pengganas komunis.



## Penamatkan Kegiatan Komunis

Perjuangan PKM telah berakhir dengan termeterainya Perjanjian Perletakan Senjata yang telah ditandatangani oleh pihak PKM dengan Kerajaan Malaysia dan Thailand di Haadyai, Thailand pada 2 Disember 1989. Manakala pada 17 Oktober 1990, satu lagi perjanjian damai di antara kerajaan Malaysia dan Biro Ke-2, Parti Komunis Kalimantan Utara telah ditandatangani di Kuching, Sarawak. Perjanjian telah berjaya menamatkan semua kegiatan komunis di Malaysia.



# **PERISTIWA SERANGAN BALAI POLIS BUKIT KEPONG 23 FEBRUARI 1950**

Balai Polis Bukit Kepong terletak lebih kurang 37 batu dari Bandar Muar dan hanya dapat dihubungi dengan bot melalui jalan sungai. Balai Polis ini mempunyai kekuatan anggota seramai 18 orang dan dibantu oleh lima orang Auxiliary Police (AP). Tarikh 23 Februari 1950 merupakan hari kedua Tahun Baru Cina. Pengganas komunis telah merancang untuk menyerang Balai Polis Bukit Kepong. Ini dilakukan bertujuan untuk menaikkan semula semangat mereka yang sudah luntur akibat kekalahan demi kekalahan yang mereka alami dalam pertempuran. mereka mensasarkan Balai Polis Bukit Kepong kerana menyangka akan memperoleh kemenangan yang mudah. Balai ini terletak jauh di pedalaman dan sukar mendapat bantuan sekiranya di serang. Tambahan pula, pengganas Komunis baru sahaja mengalami kekalahan teruk di Labis yang telah mengakibatkan kematian 25 orang pengganas Komunis dan mencederakan 17 yang lain. Serangan terhadap Balai Polis Bukit Kepong telah dilakukan pada awal pagi. Pengganas komunis yang dianggarkan seramai 180 orang telah mengepung dan melancarkan serangan terhadap balai. Pengganas komunis yang semakin tertekan telah menggunakan taktik kotor dengan membunuh wanita-wanita serta kanak-kanak.

“Berpantang ajal sebelum maut,” itulah kata-kata azimat yang telah dilaungkan oleh Sjn. Jamil, Ketua Polis Balai kepada kesemua anggotanya bagi menaikkan semangat mereka. Sewaktu bertahan di dalam kubu, Sjn. Jamil cuba mengenal pasti anggota-anggotanya yang terkorban. Dengan tak semena-mena peluru musuh berjaya mengenai sasaran dan Sjn. Jamil rebah di perut kubu. Pihak polis telah berjuang habis-habisan demi mempertahankan balai serta keluarga. Isteri-isteri turut mengangkat senjata berganding bahu membalas serangan musuh. Namun satu persatu anggota polis gugur di tempat kejadian.

Pengganas komunis akhirnya berjaya masuk dan melontarkan bom-bom tangan di sekitar balai. Anggota polis yang cedera semakin lemah. Dalam kepayahan, mereka berjaya keluar dari kubu dan bergerak perlahan-lahan bimbang dikesan musuh.

Pertempuran ini telah mengorbankan 25 nyawa terdiri daripada 14 orang anggota polis, lima anggota Auxiliary Police (AP), dua orang isteri, dua orang kanak-kanak serta dua orang kampong. Manakala empat orang anggota telah mendapat cedera parah. Pengganas komunis telah membakar balai polis, berek polis serta anggota-anggota polis yang terkorban. Peristiwa ini terus menjadi lipatan sejarah negara kita kerana peristiwa ini antara peristiwa serangan terhadap polis dan memperlihatkan pengorbanan yang dilakukan oleh setiap anggota dan keluarga dalam mempertahankan maruah, agama dan bangsa.



KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA

## Wanita Dan Polis

Sumbangan kaum wanita dalam bidang kepolisian telah bermula seawal sebelum kemerdekaan lagi, iaitu apabila pasukan Polis Wanita telah ditubuhkan secara rasmi pada bulan Ogos 1955.

Usaha melatih golongan perintis Polis Wanita yang sebahagiannya terdiri daripada wanita-wanita tempatan yang telah direkrut sebagai Polis Khas ini telah dilaksanakan dengan meminjam khidmat kepakaran daripada polis wanita Inggeris, Cik B.D.B Wentworth. Penubuhan Pasukan Polis Wanita ini adalah bagi membantu usaha kerajaan menyekat gerakan subversif PKM dengan melancarkan operasi menyekat bekalan makanan kepada pengganas komunis.

Kini, pasukan Polis Wanita telah berkembang maju dan memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam mengekalkan kemerdekaan dan keamanan negara. Pasukan ini bukan sahaja menjalani tugas mengawal pesalah wanita dan kanak-kanak, malah diberi tanggungjawab menjalankan tugas kepolisian yang mencabar dan berbahaya seperti mengawal rusuhan.




Pengambilan pertama remaja Polis Wanita institut-mengajar di Dewan Pengajian Polis Depot pada 1 Ogos 1955



Bersama anggota Wanita Special Constables semasa memberi maklumat kepada warga yang bersih aktiviti mereka di perlu, misalnya bersenggana-pengaruh tanah.



Pengambilan pertama remaja Polis Wanita institut-mengajar di Dewan Pengajian Polis Depot pada 1 Ogos 1955



Rumah-satu untuk aktiviti pertama mengajar Zonorial Women-Special Constables berfungsi juga sebagai merentaka warga.

# **Pengiktirafan Kepada Pasukan Polis**

Tanggal 24 Julai 1958, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama, Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman Ibni Al-Marhum Tuanku Mohamad telah berkenan menganugerahkan gelaran DIRAJA kepada pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu. Penganugerahan ini merupakan penghargaan dan penghormatan atas pengorbanan dan perkhidmatan cemerlang semasa Darurat oleh pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu kepada negara.

Pada 11 November 1961, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Putra Ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail telah berkenan mengurniakan Panji-panji Utama kepada pasukan Polis Diraja Persekutuan. Pengurniaan tersebut merupakan satu penghargaan sebagai mengenang jasa dan pengorbanan anggota polis dalam memelihara keselamatan rakyat dan mempertahankan keamanan daripada ancaman pemberontakan bersenjata komunis semasa Darurat yang berlaku selama 12 tahun.

## **POLIS DIRAJA MALAYSIA**

Pada 16 September 1963, Pasukan Polis di Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura telah disatukan dan dikenali dengan nama Polis Diraja Malaysia dengan diterajui oleh seorang Ketua Polis Negara.



# Ketua Polis Negara



TAN SRI CLAUDE  
HARRY FENNER  
( 1963 - 1966 )



TUN HJ. MOHAMED  
SALLEH BIN ISMAEL  
( 1966 - 1973 )



TAN SRI HJ. ABDUL  
RAHMAN BIN HASHIM  
( 1973 - 1974 )



TUN MOHAMED  
HANIFF BIN OMAR  
( 1974 - 1994 )



TAN SRI ABDUL  
RAHIM BIN NOOR  
( 1994 - 1999 )



TAN SRI NORIAN  
BIN MAI  
( 1999 - 2003 )



TAN SRI MOHD BAKRI  
BIN HJ. OMAR  
( 2003 - 2006 )



TAN SRI MUSA BIN  
DATO HJ HASSAN  
( 2006 - 2010 )



TAN SRI ISMAIL  
OMAR  
( 2010 - 2013 )



TAN SRI DATO SRI  
KHALID BIN ABU BAKAR  
( 2013 - Sekarang )



KEMENTERIAN PELANCONGAN  
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN  
NEGARA MALAYSIA

# Pesuruhjaya Polis



Kapt. Charles  
Henry Syers  
(1896 - 1897)



Kapt. H.C Talbot  
(1897 - 1909)



W.W Douglas  
(1910 - 1916)



W.L Conlay C.B.E  
(1916 - 1926)



C.Hannigan E.S.O  
(1926 - 1931)



Charles Henry  
Samson  
(1931 - 1938)



E.Bagot  
(1938 - 1942)



H.B Langworthy  
(1945 - 1948)



Kol W.N Gray  
(1948 - 1952)



Kol. A.E Young  
(1952 - 1953)



Dato' W.L.R  
Carbonell  
(1953 - 1958)



Tan Sri Sir Claude  
Henry Fenner  
(1958 - 1962)



Tun Mohamed Salleh  
b. Ismael  
(1962 - 1966)



Tan Sri Hj Hussain  
b. Mohd Sidek  
(1966 - 1966)

